

Gotong-royong elak denggi, Chikungunya

■ NURAINN AZHAR

KAJANG - Bagi mengelakkan penularan jangkitan wabak demam denggi dan Chikungunya di kalangan masyarakat, maka penduduk di sekitar Taman Kajang Sentral mengambil inisiatif mengemukakan program gotong-royong.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Kajang Sentral, Arshad Arbeiam berkata, program gotong-royong itu bertujuan mencegah wabak terabit selain mewujudkan persekitaran bersih dan menjamin kehidupan sihat.

Menurutnya, berikutan peningkatan kes denggi, pihaknya mengambil langkah proaktif membersihkan kawasan kerana mereka difahamkan terdapat dua kes berlaku di situ sejak awal Februari lalu.

"Melalui program ini penduduk dapat mengeratkan sila-



Antara penduduk yang bekerjasama menggembleng tenaga menjayakan program gotong-royong di Taman Kajang Sentral.

terahim dan meningkatkan perpaduan antara kaum di samping melahirkan kelompok masyarakat lebih prihatin dengan persekitaran serta melahirkan semangat bersatu padu dalam melaksanakan tanggungjawab bersama," katanya.

Arshad berkata, penglibatan daripada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan semua penduduk dalam menjayakan program tersebut amat dihargai.

Beliau berharap supaya penduduk sekitar dapat mengekalkan kebersihan selepas

gotong-royong itu dan memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk di setiap rumah.

Katanya, kesinambungan aktiviti berkenaan akan diteruskan dalam usaha memantapkan lagi KRT Taman Kajang Sentral dengan program ke-

keluarga, kemasyarakatan, keselamatan dan keagamaan.

"Pelbagai program dan aktiviti kemasyarakatan sudah diadakan antaranya majlis bacaan Yasin dan doa selamat sempena Hari Raya Aidiladha, memasak bubur lambuk, jamuan Hari

Raya Aidilfitri, 'Weekend Camp' Jiran Muda, penyertaan program Malaysian Book Of Record Muafakat Merebus Ketupat Perpaduan 2008," katanya.

Menurut Arshad, penduduk juga perlu lebih prihatin dan bersedia untuk berganding bahu dengan Jawatankuasa KRT dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang turut ditubuhkan di situ bagi memastikan keselamatan penduduk.

"Dengan adanya sokongan dan semangat sukarela yang ditunjukkan oleh penduduk maka perpaduan, keselamatan dan keamanan dapat dikekalkan di samping melahirkan satu kelompok masyarakat yang memahami serta menghormati antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata, penduduk perlu sedar bahawa wabak denggi jika tidak dibendung boleh menyebabkan kematian dan langkah berjaga-jaga perlu dilaksanakan.